

16/08/2003

Negara jadi sasaran kuasa besar mahu PBB diperkukuh

Mahfar Ali

EZULWINI (Swaziland): Banyak negara, yang bimbang kemungkinan menjadi sasaran baru kuasa besar mahu usaha dibuat bagi memperkuatkan semula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kebimbangan itu disuarakan oleh negara berkenaan dalam perbincangan mengenai isu keselamatan global pada sesi pagi hari kedua Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 di sini, semalam.

"Nampaknya jelas masing-masing takut kalau-kalau dijadikan sasaran. Sebab itu kita mahu adakan pendirian yang sama untuk menangani masalah kelemahan PBB," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma.

Pertemuan setengah jam itu, yang diadakan sewaktu dialog berkenaan berhenti rehat, turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting serta Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Dr Mahathir diminta mengulas hasil perbincangan pada sesi itu yang diadakan bagi memperkukuhkan lagi kerjasama dalam menangani isu keselamatan global menerusi dialog perkongsian pintar.

Isu itu mendapat perhatian serius kerana PBB kini dilihat gagal melindungi negara membangun, terutama selepas serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq.

Lebih 600 perwakilan dari 16 negara, termasuk sembilan ketua negara dan kerajaan, menghadiri dialog lima hari itu, yang dirasmikan Raja Swaziland, Raja Mswati III, Rabu lalu.

Selain Dr Mahathir, Raja Mswati III dan Nujoma, ketua kerajaan lain yang menghadirinya termasuk Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Botswana Festus G Mogae, Presiden Gambia Yahya J J Jammeh, Presiden Ghana John A Kufour dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano.

Terdahulu, Nujoma yang ditemui pemberita selepas pertemuan dengan Dr Mahathir, berkata imperialis Barat berusaha menghasut negara di rantau ini, termasuk menggunakan media, supaya berbalah sesama sendiri bagi memenuhi kepentingannya.

"Ini mesti dihentikan dan marilah kita bersatu dan seiring dalam perjuangan untuk kebaikan rakyat kita bersama," katanya.

Sehubungan itu, beliau menghargai inisiatif Dr Mahathir memperkenalkan dialog perkongsian pintar yang dimulakan di Langkawi pada 1995 itu.

"Ia berjaya menyatukan kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan. Jadi, kita harus terus memperkuatkan dialog antarabangsa ini," katanya.

Sementara itu, Azmi yang turut menyertai delegasi Malaysia, berkata perbincangan berhubung isu keselamatan global agak panas kerana negara Afrika juga berasa tidak senang sejak serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq.

"Sebab itu perbincangan kali ini memberi tumpuan memperkukuhkan pakatan dan kekuatan politik dalam usaha menyatukan negara kecil bagi menentang ketidakadilan dan cubaan kuasa besar untuk menguasai dunia," katanya.